



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 11 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>NANCY LEGA, PERTUDUHAN PERTAMA KESALAHAN MENGHENDAP DILAKSANAKAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/nancy-lega-pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-dilaksanakan/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/nancy-lega-pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-dilaksanakan/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/kes-pertama-stalker-buka-mata-semua-pihak-nancy/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/kes-pertama-stalker-buka-mata-semua-pihak-nancy/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2214985">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2214985</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/10/implementation-of-anti-stalking-law-a-rude-awakening-for-offenders-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/10/implementation-of-anti-stalking-law-a-rude-awakening-for-offenders-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/nancy-pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-pembuka-mata-kepada-masyarakat-EH11348851">https://www.thesundaily.my/cerita/nancy-pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-pembuka-mata-kepada-masyarakat-EH11348851</a>	THESUNDAILY.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-pembuka-mata-kepada-masyarakat">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/pertuduhan-pertama-kesalahan-menghendap-pembuka-mata-kepada-masyarakat</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.thesundaily.my/local/nancy-implementation-of-anti-stalking-law-an-eye-opener-for-offenders-DH11349974">https://www.thesundaily.my/local/nancy-implementation-of-anti-stalking-law-an-eye-opener-for-offenders-DH11349974</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>QR PRIH@TINJKMMELAKA TERIMA LEBIH 4,000 ADUAN TERMASUK KES DERA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/qr-prihtinjmmelaka-terima-lebih-4000-aduan-termasuk-kes-dera/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/qr-prihtinjmmelaka-terima-lebih-4000-aduan-termasuk-kes-dera/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/192-kes-dera-kanak-kanak-diterima-melalui-kod-qr-prihtinjmmelaka/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/192-kes-dera-kanak-kanak-diterima-melalui-kod-qr-prihtinjmmelaka/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.thesundaily.my/local/malacca-jkm-receives-over-4000-complaints-via-qr-code-prih-tinjmmelaka-FG11350775">https://www.thesundaily.my/local/malacca-jkm-receives-over-4000-complaints-via-qr-code-prih-tinjmmelaka-FG11350775</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>26 PENGHUNI INSTITUSI JKM MELANGKAH KE MENARA GADING</b>	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/69027-26-penghuni-institusi-jkm-melangkah-ke-menara-gading">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/69027-26-penghuni-institusi-jkm-melangkah-ke-menara-gading</a>	BERITA.RTM.GOV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

11/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>TASKA SWASTA PERLU DIAMBIL ALIH KERAJAAN ELAK KES DERA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/taska-swasta-perlu-diambil-alih-kerajaan-elak-kes-dera/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/taska-swasta-perlu-diambil-alih-kerajaan-elak-kes-dera/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997715/kpmkr-mohon-penjelasan-pengusaha-taska">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997715/kpmkr-mohon-penjelasan-pengusaha-taska</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=VvBD2vZKjy8">https://www.youtube.com/watch?v=VvBD2vZKjy8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1138344/pengasuh-taska-disyaki-dera-budak-4-tahun-direman-seminggu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1138344/pengasuh-taska-disyaki-dera-budak-4-tahun-direman-seminggu</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997707/kes-dera-kanak-kanak-pengasuh-taska-direman-seminggu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997707/kes-dera-kanak-kanak-pengasuh-taska-direman-seminggu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/273033/berita/semasa/wanita-dera-kanak-kanak-di-taska-direman">https://www.sinarharian.com.my/article/273033/berita/semasa/wanita-dera-kanak-kanak-di-taska-direman</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>MANSON HARAP BANTUAN KAKI PALSU</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/manson-harap-bantuan-kaki-palsu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/manson-harap-bantuan-kaki-palsu/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>PENGHENDAP ACACIA MARDIANA DIARAH JALANI PEMERIKSAAN DI HOSPITAL BAHAGIA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/997738/penghendap-acacia-mardiana-diarah-jalani-pemeriksaan-di-hospital-bahagia">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/997738/penghendap-acacia-mardiana-diarah-jalani-pemeriksaan-di-hospital-bahagia</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/mahkamah-lelaki-ganggu-wanita-dalam-media-sosial-tiba-di-mahkamah-bagi-pendakwaan/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/mahkamah-lelaki-ganggu-wanita-dalam-media-sosial-tiba-di-mahkamah-bagi-pendakwaan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/272983/berita/semasa/pereka-sambilan-hendap-jurugambar-wanita-diperintah-ke-hospital-bahagia">https://www.sinarharian.com.my/article/272983/berita/semasa/pereka-sambilan-hendap-jurugambar-wanita-diperintah-ke-hospital-bahagia</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>WANITA, TIGA KANAK-KANAK CEDERA KEMALANGAN DENGAN KERETA KEBAL ATM</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-tiga-kanakkanak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm-432106">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-tiga-kanakkanak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm-432106</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/wanita-tiga-kanak-kanak-cedera-terlibat-kemalangan-dengan-kereta-kebal/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/wanita-tiga-kanak-kanak-cedera-terlibat-kemalangan-dengan-kereta-kebal/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1138208/wanita-3-kanak-kanak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1138208/wanita-3-kanak-kanak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/wanita-tiga-kanak-kanak-cedera-terlibat-kemalangan-dengan-kereta-kebal/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/wanita-tiga-kanak-kanak-cedera-terlibat-kemalangan-dengan-kereta-kebal/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997615/wanita-3-budak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997615/wanita-3-budak-cedera-kemalangan-dengan-kereta-kebal-atm</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>TAK MENGAKU CABUL KANAK-KANAK LELAKI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997741/tak-mengaku-cabul-kanak-kanak-lelaki">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997741/tak-mengaku-cabul-kanak-kanak-lelaki</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BANJIR KILAT: DUA BAYI ANTARA LAPAN MANGSA DISELAMATKAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/272926/edisi/pahang/banjir-kilat-dua-bayi-antara-lapan-mangsa-diselamatkan">https://www.sinarharian.com.my/article/272926/edisi/pahang/banjir-kilat-dua-bayi-antara-lapan-mangsa-diselamatkan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>KARNIVAL KERJAYA MADANI KHAS UNTUK ORANG ASLI MANIFESTASI KOMITMEN KERAJAAN</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/08/10/karnival-kerjaya-madani-khas-untuk-orang-asli-manifestasi-komitmen-kerajaan/">https://malaysiagazette.com/2023/08/10/karnival-kerjaya-madani-khas-untuk-orang-asli-manifestasi-komitmen-kerajaan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm


11/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>LAGI WANITA DIGANGGU "STALKER", HIDUP KETAKUTAN SEJAK NOVEMBER 2021</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/lagi-wanita-diganggu-stalker-hidup-ketakutan-sejak-november-2021/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/lagi-wanita-diganggu-stalker-hidup-ketakutan-sejak-november-2021/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>DIBULI DI PEJABAT, WANITA AMBIL UBAT ANTIDEPRESI DOS TINGGI</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/dibuli-di-tempat-kerja-wanita-terpaksa-ambil-ubat-antidepresi-dos-tinggi/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/dibuli-di-tempat-kerja-wanita-terpaksa-ambil-ubat-antidepresi-dos-tinggi/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>ACEH LARANG LELAKI, WANITA DALAM KENDERAAN AWAM</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/08/1138553/aceh-larang-lelaki-wanita-dalam-kenderaan-awam">https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/08/1138553/aceh-larang-lelaki-wanita-dalam-kenderaan-awam</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>WANITA, KEKASIH DITUDUH BUNUH BUDAK LELAKI DI MAHKAMAH ESOK</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/wanita-teman-lelaki-dituduh-bunuh-kanak-kanak-di-mahkamah-esok/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/10/wanita-teman-lelaki-dituduh-bunuh-kanak-kanak-di-mahkamah-esok/</a>	KOSMO.COM.MY



TAJUK : INDIVIDU PERTAMA DIDAKWA KES HENDAP DIARAH JALANI RAWATAN PSIKIATRI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Individu pertama didakwa kes hendap diarah jalani rawatan psikiatri

**Shah Alam:** Mahkamah Majistret semalam mengarahkan seorang bekas pereka sambilan yang menjadi individu pertama didakwa atas kesalahan menghendap menjalani rawatan psikiatri di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak, selama sebulan.

Majistret Sasha Diana Sabtu membuat keputusan berkenaan selepas Timbalan Pendakwa Raya, Zilfinaz Abbas, memohon supaya Mohamad Safiq Rosli, 37, yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan berkenaan dihantar ke hospital itu mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Mengikut pertuduhan, Mohamad Safiq menggunakan akaun Twitter '@sopert99' secara berulang mengganggu Acacia Mardiana Daud, 31, yang juga jurugambar dengan menghantar komunikasi kepada akaun Twitter '@ShaFoShizzle' yang dibaca di sebuah rumah di Shah Alam.

Kesalahan dilakukan jam 1.40 pagi pada 15 Julai lalu hingga 5.58 petang, 21 Julai lalu dan tertuduh sepatutnya tahu bahawa gangguan itu boleh mendatangkan ketautan kepada mangsa.

Tertuduh melakukan kesala-



Mohamad Syafiq dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

han menghendap di bawah Seksyen 507A (1) Kanun Keseksaan (KK) yang boleh dihukum di mengikut Seksyen 507A (3) KK yang membawa kepada hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-keduanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Zilfinaz berkata, permohonan terbabit dibuat mengikut arahan, selain mengesahkan tertuduh menjalani rawa-

tan psikiatri di Hospital Kuala Lumpur (HKL), sejak 17 Julai lalu.

## HKL ada laporan perubatan

Katanya, HKL ada menyediakan laporan perubatan tertuduh untuk dikemukakan ke mahkamah.

"Pendakwaan juga tidak menawarkan jaminan atas alasan tertuduh ada sejarah melanggar jaminan selepas ditangkap polis di United Kingdom (UK) pada 4

April lalu.

"Tertuduh diberi jaminan dan melanggarnya, tertuduh sepatutnya hadir ke mahkamah (UK) memberi penjelasan mengenai pelanggaran jamin pada 2 Jun lalu.

"Malangnya tertuduh melarikan diri ke Malaysia dan polis UK menyenarai hitam tertuduh di negara itu," katanya.


Sementara itu, peguam bela tertuduh, Fithril Hakim Ab Jalil, ketika ditemui media memaklumkan tidak membantah supaya anak guam dihantar ke hospital berkenaan untuk pemeriksaan psikiatri.

"Atas permintaan pendakwaan, kami serah kepada pakar untuk rawatan psikiatri," katanya.

Peguam pemerhati mewakili mangsa, Jason Wee, pula mengesahkan memohon perintah perlindungan supaya anak guam tidak diganggu tertuduh.

"Kami percaya ini permulaan kes, di mana kami bertungkus-lum dan bekerja keras untuk mendapatkan keadilan," katanya.

Mahkamah menetapkan 7 September ini untuk sebutan semula kes dan perkembangan laporan psikiatri.



TAJUK : PENGASUH TASKA DISYAKI DERA BUDAK 4 TAHUN DIREMAN SEMINGGU

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Pengasuh taska disyaki dera budak 4 tahun direman seminggu

**Kota Kinabalu:** Seorang wanita yang juga pengasuh di sebuah taska di Luyang, dekat sini, direman selama seminggu susulan kes dera membabitkan kanak-kanak lelaki berusia empat tahun di pusat asuhan itu.

Perintah reman bermula semalam ke atas suspek, 27, dikeluarkan Majistret Stephanie Sherron Abbie di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu susulan kes yang turut tular di media sosial itu.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah, ketika dihubungi memaklumkan suspek ditahan awal pagi semalam untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Setakat ini, polis menerima tiga laporan daripada ibu mangsa, pengusaha dan pengasuh taska yang juga suspek dalam kes ini yang mendakwa dikasari bapa kanak-kanak terbabit," katanya.

Terdahulu, tular video berdurasi dua minit 12 saat memaparkan seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun ditendang, ditampar dan rambut ditarik oleh pengasuh di sebuah taska di Luyang sejak petang kelmarin.


Rakaman kamera litar tertutup menunjukkan kanak-kanak lelaki itu ditampar dan dipukul menggunakan pembaris pada muka dan kepala berkali-kali ketika hendak makan.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KP-MKR) Sabah, Datuk James Ratib, memandang serius kes dera yang berlaku itu dan pihaknya akan memanggil pengusaha taska terbabit untuk memberi penjelasan lanjut.

"Kita sudah buat penelitian, syarikat (yang mengendalikan taska) itu mempunyai dua lesen iaitu lesen taska dan tadika. Tadika adalah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

"Di pihak kami, saya akan melihat perkara ini secara serius kerana tidak mahu ibu bapa yang menghantar anak ke taska dan tadika hilang kepercayaan.

"Saya juga minta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) negeri supaya membuat satu garis panduan terutama kepada pengendali taska di bawah kementerian saya," katanya.



TAJUK : 'MOGA TIADA LAGI MANGSA SAMA'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Fairul Asmaini  
Mohd Pilus  
asmaini@mediapri-  
ma.com.my

## KES MANGSA HENDAP DIBICARA

# 'Moga tiada lagi mangsa sama'

Kuala Lumpur

"Alhamdulillah, syukur dan lega kerana kes ini akhirnya diberi perhatian serius serta diambil tindakan mengikut undang-undang. Perbicaraan mahkamah mungkin mengambil masa panjang namun saya sudah bersedia untuk menghadapinya," kata jurugambar profesional, Acacia Mardiana Daud, 31.

Dia sebelum ini menjadi mangsa hendap dan gangguan seksual dalam talian sejak lebih lapan tahun lalu oleh seorang lelaki berusia 37 tahun.

Lelaki terbabit bukan sahaja menghantar gambar dan video lucah, malah mengikuti setiap perkembangan Acacia Mardiana serta mengekori wanita itu sehingga ke United Kingdom.

Penderitaan mangsa turut didedahkan secara eksklusif Harian Metro pada 15 Julai lalu selepas mangsa mendakwa laporan polis dibuat sebelum ini tidak diambil tindakan.

Namun pendedahan melalui media sosial dilaku-

**"Saya berharap keputusan (hukuman) kelak menjadi keputusan wajar, selain dapat menghalang penghendap daripada melakukan jenayah ini kepada mangsa lain pada masa hadapan dalam perkara ini"**

kannya itu akhirnya diambil perhatian serius sebelum suspek ditahan polis.

Menurut Acacia Mardiana, pendakwaan mahkamah terhadap lelaki itu semalam memberikannya harapan dan kelegaan.

"Diharapkan isu ini menjadi pengajaran pada masa hadapan. Moga tiada lagi

mangsa lain mengalami penderitaan sama seperti saya alami selepas Seksyen 507A Kanun Keseksaan atas kesalahan menghendap dilaksanakan.

"Sejak kes didedahkan kepada umum (Julai lalu), saya menerima banyak sokongan termasuk daripada individu tidak dikenali.

"Ia sedikit sebanyak memberi kekuatan untuk terus kekal kuat menghadapi ujian berkenaan. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Komunikasi dan Digital serta peguam atas usaha mereka untuk memastikan kes ini dapat diheret ke mahkamah," katanya.

Menurutnya, usaha mendakwa penjenayah terbabit memerlukan kerjasama banyak pihak.

"Saya berharap keputusan (hukuman) kelak menjadi keputusan wajar, selain dapat menghalang penghendap daripada melakukan jenayah ini kepada mangsa lain pada masa hadapan.


"Saya akui perasaan takut masih ada dalam diri namun di sebaliknya, ada sinar baharu untuk masa depan yang lebih baik untuk negara ini," katanya.

Difahamkan suspek yang mengganggunya itu bakal menjadi individu pertama yang akan didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 507A Kanun Keseksaan atas kesalahan menghendap.

Jika didapati bersalah, lelaki terbabit berdepan hukuman penjara maksimum sehingga tiga tahun, denda, atau kedua-duanya sekali.



ACACIA



TAJUK : EMPAT CEDERA MPV BERTEMBUNG KERETA PERISAI ATM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN MPV mangsa yang remuk selepas bertembung dengan kenderaan berperisai milik ATM.

## Empat *cedera* MPV bertembung kereta perisai ATM

**Johor Bahru:** Seorang wanita dan tiga kanak-kanak lelaki cedera selepas kenderaan dinaiki terbabit kemalangan dengan sebuah kereta perisai milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di jalan menghala Taman Damai sebelum Punggai di Kota Tinggi, kelmarin.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Punggai Pegawai Bomba Deddy Borhan Umaali berkata, seramai 15 anggota termasuk dari BBP Sungai Rengit dikejarkan ke lokasi kejadian selepas panggilan kecemasan diterima pada 8.28 malam.

Beliau berkata, wanita yang berusia 54 tahun bersama tiga kanak-kanak lelaki berusia tujuh, lima dan empat tahun menaiki kenderaan pelbagai guna

(MPV) jenis Honda Odyssey.


Kereta perisai milik ATM yang dalam perjalanan balik ke kem Teluk Sepang dipercayai berlanggar dengan kenderaan MPV itu, katanya.

"Bagaimanapun, wanita dan tiga kanak-kanak terbabit tidak tersepit di dalam kenderaan mereka,"

katanya dalam kenyataan. Beliau berkata pihaknya bertindak memberikan rawatan awal kepada kesemua mangsa yang mengalami kecederaan sebelum dihantar ke Hospital Kota Tinggi.

Beliau bagaimanapun menjelaskan dua anggota yang berada di dalam kereta perisai itu selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

“  
Wanita dan tiga kanak-kanak terbabit tidak tersepit  
Deddy



TAJUK : HIDAYAH SUGASINI MILIK IBU JUGA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# Hidayah Sugasini milik ibu juga

Gadis 20 tahun terkejut emak pilih memeluk Islam bersama di pejabat Perkim

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Keindahan dua kalimah syahadah dilafaz anak perempuannya mendorong seorang wanita memeluk Islam dan bersama-sama mendalami agama syumul itu.

Wanita yang memilih nama Nurul Hidayah Kerashnan berusia 53 tahun itu mengucapkan lafaz suci lima minit selepas menyaksikan pengislaman anaknya, Nur Shazrin Aisyah Abdullah, 20.

Sebelum itu, dia berkunjung ke Ibu Pejabat Pertu-



NURUL Hidayah dan Shazrin memeluk Islam selepas berkunjung ke Ibu Pejabat Perkim Kebangsaan di Jalan Sultan Azlan Shah.



SHAZRIN menerima al-Quran daripada Sulaiman Ding.

uhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan di Jalan Sultan Azlan Shah, di sini untuk menemani Nur Shazrin.

Kisah dua beranak itu tular selepas video mereka dikongsi di Facebook (FB) dan TikTok Perkim Kebangsaan serta turut menerima ribuan komen positif serta sokongan orang ramai.

Berdasarkan kenyataan

di FB Perkim Kebangsaan, dua beranak itu sanggup berjalan dua kilometer (km) dari rumah mereka di Titiwangsa ke Ibu Pejabat Perkim demi Nur Shazrin Aisyah memeluk Islam.

Gadis itu melafazkan syahadah di hadapan Pegawai Unit Pembangunan Insan dan Operasi Perkim, Ustaz Sulaiman Ding Yu Zhong dan disaksikan ibu

kandungnya.

"Ketika Shazrin atau nama asalnya Sugasini melengkapkan butir pengislaman, lima minit kemudian, ibunya menyatakan hasrat mengikuti jejak anaknya memeluk Islam.

"Selepas mengikrarkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab diikuti dalam bahasa Inggeris, ibu Shazrin memilih nama Nu-

rul Hidayah Kerashnan kerana Allah SWT sudah memberi hidayah menjadi seorang Islam," katanya.


Berdasarkan perkongsian itu, Nurul Hidayah memaklumkan sudah biasa menyesuaikan diri dalam kehidupan seorang Muslim kerana tiga anaknya sudah memeluk Islam sebelum ini, sekali gus keluarga mereka mempraktikkan aspek halal haram dalam Islam.

"Saya mula kenal Islam ketika berusia 12 tahun selepas berpindah ke sebuah sekolah yang mana ketika itu hanya saya pelajar bukan Islam," katanya.

Dia juga pernah mengikuti ceramah di surau sekolah tanpa paksaan dan mengakui menerima hidayah ketika berusia 18 tahun selepas bermimpi seorang wanita memberi salam.

"Saya dapat hidayah (ketika itu) tidur, macam mami terjaga. Tiba-tiba macam dapat mimpi ada seorang perempuan (berpakaiannya) putih ketuk pintu, dia bagi salam," katanya.

Shazrin juga terkejut apabila ibunya meluahkan hasrat memeluk Islam kerana tidak menyangka wanita itu mahu menukar agama.



TAJUK : PENGASUH 'NAIK HANTU'!

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Seolah-olah 'naik hantu' apabila seorang pengasuh sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) bertindak kejam menendang, menampar, menarik rambut serta memukul menggunakan pembaris di bahagian muka dan kepala seorang kanak-kanak dijajanya.

Video pengasuh wanita terbabit tular di media sosial susulan tindakannya mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun di taska terletak di Jalan Kampung Seronok Nosoob, Penampang di sini.

Difahamkan video rakaman litar tertutup (CCTV) mengenai kejadian itu tular di media sosial sejak petang kelmarin.

Bapa mangsa yang enggan dikenali berkata, dia sendiri tidak sanggup melihat rakaman video memaparkan anaknya ditendang, ditampar dan dipukul dengan pembaris berulang-kali.

"Saya sendiri tidak sanggup lihat rakaman video anak ditendang dan ditampar di bahagian muka dan kepala. Ibu bapa mana tidak sedih anak diperlakukan sedemikian.

"Malah, lebih memilukan ketika hendak makan, anak saya turut ditampar dan dipukul dengan pembaris berulang-kali," katanya sebak.

Menceritakan kejadian itu, beliau berkata, sudah dua kali anaknya menjadi mangsa dera sejak bersekolah di taska berkenaan yang bermula pada Mac lalu.

Katanya, kejadian pertama dua minggu lalu selepas isterinya perasan terdapat kesan lebam di bahagian tangan anaknya sebaik diambil daripada taska itu.

"Pada mulanya anak saya mengatakan dia dipukul oleh guru (pengasuh) namun mengubah dengan mengatakan kawan-kawannya yang pukul.

"Tetapi, seminggu kemudian isteri melihat kesan lebam lain di bahagian dada

# Pengasuh 'naik hantu'!

*Tendang, tampar serta dera budak 4 tahun di taska*



VIDEO rakaman CCTV tular menunjukkan seorang kanak-kanak dipukul pengasuh.



KESAN lebam di bahagian dada kanak-kanak terbabit.

anak sebelum bertanya kepada pihak taska. Mereka hanya memberikan jawapan bahawa itu adalah perkara biasa kerana kemungkinan anak kami didakwa bergaduh dengan rakan-rakan," katanya semalam.

Beliau berkata, mereka menerima jawapan itu dan menghantar anak seperti biasa ke taska terbabit sehinggalah anak mereka mengadu sakit di bahagian kepala.

"Semalam (kelmarin), sebaik menjemput anak kami di taska itu isteri saya mengusap ubun-ubun sebelum anak mengadu sakit di bahagian kepala.

"Isteri saya memeriksa

bahagian itu dan terkejut kerana terdapat kesan luka di kepala, saya terus bertanya kepada pihak taska namun mereka tiada jawapan mengenai kesan luka itu," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dia yang tidak dapat bersabar terus meminta untuk memeriksa CCTV di taska terbabit sebelum melihat rakaman anaknya didera dengan ditampar dan ditenang.

"Saya kemudian membuat laporan di Balai Polis Tanjung Aru untuk tindakan selanjutnya kerana perkara ini tidak boleh dibiarkan berlaku bagi mengelakkan lebih ramai kanak-ka-

nak yang dihantar di taska itu menerima nasib sama.

"Saya berharap pihak berkuasa dapat menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap pihak taska ini.


"Anak saya kini mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Queen Elizabeth (HQE) bagi mengenal pasti kecederaan dialami kesan daripada perbuatan kejam pengasuh itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah, berkata pengasuh taska terbabit membuat laporan polis selepas mendakwa dikasari oleh bapa mangsa.

Beliau berkata, pihaknya setakat ini menerima tiga laporan mengenai kejadian itu.

"Laporan itu daripada ibu mangsa, pengusaha dan pengasuh taska. Mangsa sudah dirujuk ke HQE II untuk pemeriksaan doktor.

"Setakat ini, dua kertas siasatan dibuka iaitu mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan," katanya semalam.



TAJUK : SAFIQ DIARAH DIHANTAR KE HOSPITAL BAHAGIA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

MOHAMAD Safiq dihadap  
ke Mahkamah Majistret Shah Alam.  
- Gambar NSTP/FAIZ ANUAR



## Safiq diarah dihantar ke hospital bahagia

**Shah Alam:** Mahkamah Majistret, semalam memerintahkan seorang bekas peraka sambilan yang berdepan tuduhan menghendap dan melakukan gangguan berulang terhadap jurugambar wanita bagi perhatian psikiatri di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak selama sebulan.

Majistret Sasha Diana Sabtu membuat keputusan itu selepas Timbalan Pendakwa Raya, Zilfinaz Abbas memohon Mohamad Safiq Rosli, 37, dihantar ke hospital itu.

Mohamad Safiq menjadi individu pertama di negara ini didakwa atas pertuduhan menghendap mengikut Seksyen 507A Kanun Keseksaan yang baharu dikuatkuasakan.

Terdahulu, dalam prosiding semalam, Mohamad Safiq memakai kemeja hijau mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibaca di hadapan Sasha Diana.

"Tidak mengaku (bersalah), mohon bicara," katanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu yang kini pengangguar melalui aplikasi Twitter atas nama akaun '@so-pert99' secara berulang mengganggu Acacia Mardiana Daud, 31, dengan menghantar tiga komunikasi berbentuk luahan perasaannya seperti dalam lampiran kepada akaun Twitter milik mangsa '@ShaFoShizzle' yang dibaca di sebuah rumah di daerah ini.

Kesalahan didakwa dilakukan antara jam 1.40 petang, 15 Julai dan 5.58 petang, 21 Julai lalu yang mana tertuduh sepatutnya tahu ia boleh mendatangkan ketakutan kepada mangsa.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan menghendap di bawah Seksyen 507A(1) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 507A(3) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Zilfinaz Abbas tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh selepas mengambil kira faktor tertuduh sebelum ini melanggar syarat jaminan polis bagi kes di United Kingdom (UK).

"Tertuduh sepatutnya hadir ke mahkamah di negara itu untuk memberi penjelasan atas pelanggaran jaminannya 2 Jun lalu, tetapi dia melarikan diri ke Malaysia dan namanya disenarai hitam di UK.

"Saya diarah menghantar tertuduh ke Unit Forensik Psikiatri di Hospital Ulu Kinta untuk pemerhatian. Sebelum ini, tertuduh dihantar keluarganya ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan dan pihak hospital turut memberi laporan perubatan tertuduh pada hari ini (semalam)," katanya.

Zilfinaz berkata, tertuduh ditempatkan di wad psikiatri di HKL sejak 17 Julai sehingga kini dan polis mengambil tertuduh di hospital itu untuk dititah di mahkamah.

Sementara itu, peguam bela tertuduh, Fithril Hakim Ab Jalil ketika ditemui media memaklumkan tidak membantah anak guam dihantar ke hospital berkenaan untuk pemeriksaan psikiatri.

"Atas permintaan pendakwaan, kami serahkan kepada pakar untuk rawatan psikiatri.


"Keluarga hantar anak guam ke HKL sebelum ini untuk rawatan selama sebulan. Kami percaya rawatan di hospital bahagia diperlukan," katanya.

Peguam pemerhati mewakili mangsa, Jason Wee pula mengesahkan memohon perintah perlindungan supaya anak guam tidak diganggu tertuduh.

"Kami percaya ini permulaan kes, di mana kami bertungkus-lumus dan bekerja keras untuk mendapatkan keadilan.

"Kami berterima kasih kepada polis, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang membantu mangsa penghendap," katanya.

Pada 29 Mac lalu, Dewan Rakyat meluluskan pindaan Kanun Keseksaan menjadikan menghendap oleh penghendap (*stalker*) secara fizikal dan dalam talian sebagai satu jenayah.



TAJUK :	MAN CHARGED WITH STALKING PHOTOGRAPHER		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	11 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

### ANTI-STALKING LAW

# Man charged with stalking photographer

**SHAH ALAM:** A former freelance designer, 37, yesterday became the first person to be charged under the new anti-stalking law.

Mohd Safiq Rosli allegedly stalked and sexually harassed a

female photographer for years, sending her lewd photographs of himself, and even followed her to the United Kingdom.

He pleaded not guilty before magistrate Sasha Diana Sabtu to

repeatedly harassing photographer Acacia Mardiana Daud, 31.

The offence under Section 507A of the Penal Code carries a maximum penalty of three years in jail and a fine.

Sasha ordered the accused to be sent to Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak for a mental evaluation upon the request of deputy public prosecutor Zilfinaz Abbas.

The court has fixed Sept 7 for mention.

The court granted Acacia a protection order until the conclusion of the trial through the request of her watching brief, lawyer Jason Wee.

According to the charge sheet, Safiq allegedly repeatedly harassed Acacia by sending messages on her Twitter/X account when he should've known that it would incite fear in her, hence

making it a stalking offence.

Zilfinaz has proposed no bail for the accused as he had evaded the authorities when he was being investigated for harassment in the UK.

The accused had also failed to make a court appearance in the UK on June 2 as he had fled to Malaysia.

She said Safiq was also blacklisted from entering the UK.

Safiq's lawyer Fithril Hakim Ab Jalil did not dispute the bail and the observation request at Hospital Bahagia.

Sasha said the bail amount would be decided after the observation period at Hospital Bahagia.

Wee said Acacia had requested a protection order to avoid further harassment from the accused and safety concerns.

It was reported that the ac-

cused allegedly stalked and sexually harassed Acacia for years.

Acacia had, in social media postings, revealed her ordeal began in 2016 when she received strange comments on her blog, where she documented her travels and projects.


She said the stalker had created several social media accounts over the years to harass her, including sending lewd photos to her via direct message on Instagram.

She said he was arrested in the UK but released on bail while police investigated the case.

She claimed that the police there had intended to charge him with sexual harassment and stalking, but he left for Malaysia and did not turn up in court.

Safiq has been held at the neurology ward of Hospital Kuala Lumpur since last month.





TAJUK : CARETAKER IN KK REMANDED OVER CHILD ABUSE PROBE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 11 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



A screengrab from the CCTV footage shows the alleged abuse.

## Caretaker in KK remanded over child abuse probe

**KOTA KINABALU:** A caretaker at a childcare centre here who allegedly abused a four-year-old boy under her care has been remanded until Aug 17.

Magistrate Stephanie Sherron Abbie issued the remand order yesterday.

Kota Kinabalu police chief ACP Mohd Zaidi Abdullah said the 27-year-old woman was arrested Wednesday evening to assist police investigation into an alleged child abuse case which took place at a childcare centre in Luyang.

The case is currently being investigated under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001.

Under this Section, any person who has in his or her care a child that is being neglected, abandoned or exposed the child in a manner likely to cause him/her physical or emotional injury can be fined not exceeding RM20,000 or jailed for a term not exceeding 10 years, or both.

Mohd Zaidi said the four-year-old boy told his parents that he was assaulted by the caretaker, resulting in injuries on various parts of his body.

The parents then visited the childcare centre and reviewed


